Sidang DUN
MS 3, 4 & 5



Pulau Pinang Bangkit!
MS 14 & 15



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com





16 – 30 NOVEMBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Bajet 2018 Pulau Pinang

## Belanjawan Marhaen beri manfaat terbesar kepada rakyat terbanyak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Bertemakan Belanjawan Marhaen, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Bajet 2018 Pulau Pinang akan memberi manfaat terbesar kepada rakyat terbanyak.

"Belanjawan Marhaen ini adalah lanjutan kepada penekanan ke atas rakyat kebanyakan.

"Kita memanjangkan tangan kita kepada anda kerana kita melihat diri sebagai kerajaan daripada rakyat, untuk rakyat dan oleh rakyat," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini 2 November lalu.

Beliau memberitahu, peruntukan RM60 juta atau RM300 setahun akan dikreditkan dalam kad '*I ♥ Penang*' untuk yuran perkhidmatan pesakit luar berserta ubat (di klinik swasta) dengan had RM50 setiap sesi rawatan, kepada mereka yang pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada RM5,000.

Tambah beliau, mereka yang tidak berkahwin dan berpendapatan kurang RM2,500 sebulan turut menerima kredit RM150 setahun, dalam kad akses program kebajikan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang itu.

Guan Eng dalam pada itu turut mengumumkan peningkatan sumbangan tahunan RM130 setahun berbanding RM100 sebelum ini, kepada kira-kira 193,823 warga emas dan 10,478 orang kurang upaya (OKU).

Tidak cukup dengan itu, menurutnya, peruntukan RM15 juta atau RM300 setahun akan diberikan kepada ibu berkerjaya berusia di bawah 60 tahun dan mempunyai cahaya mata.

"Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM15 juta dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma pada waktu puncak, demi menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam," jelasnya.

Guan Eng memberitahu, anggaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,252,304,859 dan Bajet Pembangunan RM684,974,100, dengan anggaran kutipan hasil sejumlah RM503,764,820 bagi tahun 2018.

"Anggaran defisit untuk Belanjawan 2018 ialah RM748.5 juta berbanding dengan anggaran defisit 2017 sebanyak RM667.1 juta.

"Sama seperti anggaran belanjawan 2016 yang juga berdefisit RM292.1 juta, tapi akhirnya dapat mencatatkan lebihan belanjawan (surplus) sebenar sebanyak RM89.2 juta pada akhir 2016," katanya.

Direkodkan, lebihan kewangan (surplus) Kerajaan Negeri dalam tempoh tahun 2008 hingga 2015 adalah sejumlah RM578 juta, berbanding tempoh 50 tahun sejak 1957 hingga 2007 berjumlah 373 juta sahaja.



# Putera Charles, Camilla di Pulau Pinang sempena lawatan rasmi



CAMILLA (dua dari kiri) pada lawatan baginda di *Teochew Puppet and Opera House.*



PRINCE Charles berjabat tangan dengan Ketua Menteri sebelum berangkat meninggalkan negeri Pulau Pinang.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI & ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Prince of Wales, Putera Charles dan isteri Camilla, Duchess of Cornwall tiba di Pulau Pinang pada 6 November lalu sebagai sebahagian daripada lawatan rasmi ke negara ini sempena ulang tahun ke-60 hubungan dua hala antara Malaysia dan United Kingdom.

Ketibaan mereka disambut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; barisan Exco Kerajaan Negeri dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Bersempena lawatan berkaitan, pasangan diraja itu telah mengadakan lawatan ke Gereja St. George; Masjid Kapitan Keling; Tokong Han Jiang Ancestral dan Kuil Sri Mahamariamman sebelum dibawa bersiar-siar di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Turut tersenarai, *Teochew Puppet and Opera House*, Muzium Sun Yat Sen, Pusat Perikanan Dunia dan pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Butterworth, Seberang Perai bagi Perjanjian Pertahanan Lima Negara.

Pada sebelah malam, pasangan diraja itu diraikan di Muzium Peranakan Pulau Pinang sebelum berangkat pulang pada keesokan harinya.

Lawatan berkaitan merupakan yang pertama bagi pasangan diraja itu ke Malaysia.

Sebelum ini, Ratu Elizabeth II dan Duke of Edinburgh pernah melawat negara ini bagi perasmian Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur pada 1998. Manakala Putera William, Duke of Cambridge dan isteri Kate Middleton, Duchess of Cambridge pada September 2012.

Ketika di Malaysia, pasangan diraja turut melawat Kuala Lumpur, Perak dan Sarawak.



LAWATAN pasangan diraja ke Kuil Sri Mahamariamman.




Oleh: **ME**

**Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.**

# Bajet Hal Ehwal Agama Islam naik saban tahun - Abdul Malik

**GEORGE TOWN –** Peruntukan bagi Hal Ehwal Agama Islam sejak 2008 sehingga tahun 2017 mencatatkan peningkatan lagi.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, sehingga hari ini, secara keseluruhannya peruntukan bagi Hal Ehwal Agama Islam di Pulau Pinang tetap meningkat sama ada dari segi nilai peruntukan dan peratusannya.

"Kesungguhan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam mengekalkan bajet bagi memartabatkan Islam dapat dicerminkan apabila Y.A.B. Ketua Menteri mengekalkan bantuan tahunan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), sumbangan ex-gratia kepada guru-guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) dan bayaran saguhati kepada para pegawai masjid.



ABDUL Malik Abul Kassim.

"Selain itu, pembayaran khas atau bonus kepada guru-guru di SAR, KAFA, pondok tahfiz, Tadika Islam (TADIS) serta program-progam keagamaan lain turut dikekalkan saban tahun sejak tahun 2008.

"(Dan) kesungguhan tersebut juga diterjemahkan melalui pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini apabila sejumlah RM53 juta diperuntukkan bagi hal ehwal agama Islam berdasarkan keperluan semasa berbanding tahun sebelumnya RM50 juta," ucapnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-13 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri apabila 12 buah masjid dan enam buah surau yang terjejas akibat banjir baru-baru ini turut menerima bantuan kewangan RM100,000 bagi tujuan baik pulih.

## Bajet 2018 : Peruntukan kerja raya meningkat – Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM61.2 juta bagi pembangunan infrastruktur kerja raya pada Bajet 2018 yang dibentangkan baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, jumlah tersebut adalah melibatkan penambahan sebanyak 45 peratus berbanding RM42.3 juta pada tahun 2017.

"Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur dirangka dengan teliti berdasarkan keperluan semasa dan peruntukan yang tersedia.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan pastikan kualiti kerja di Pulau Pinang adalah terbaik, selamat dan mencapai objektif bagi memudahkan aksesibiliti pengguna jalan raya.

"Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur mega yang telah dirancang kerana ianya telah dikaji mampu menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas dan penambahbaikan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam," ujarnya sambil menyatakan projek-projek tersebut hanya akan dilaksanakan setelah mendapatkan kelulusan pihak-pihak berwajib.

Dalam pada itu, Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal pada ucapan penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini memberitahu bahawa kini, Kerajaan Negeri sedang giat meneruskan pelaksanaan 14 projek pembinaan dan menaik taraf sepertimana telah diperincikan dalam Bajet 2017 tahun lalu dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM12.76 juta.

"Satu projek telahpun siap pembinaan dan empat projek lagi, kini dalam peringkat pembinaan.

"Selebihnya berada di peringkat reka bentuk," jelas beliau.

## Projek pembesaran PIA, KN bakal guna platform sesuai suarakan cadangan

**GEORGE TOWN –** Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (PIA) dijangka dapat dimulakan pada tahun hadapan, persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang diberitahu baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, pembesaran tersebut mensasarkan peningkatan kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun.

"Pembesaran ini bakal membolehkan PIA menampung sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang (setahun) sahaja," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, ketika menjawab soalan diajukan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer berhubung mutu kerja penaiktarafan PIA tersebut, Hock Seng dalam responsnya berkata, Kerajaan Negeri akan menggunakan platform yang sesuai bagi menyuarakan cadangan tersebut kepada Kerajaan Persekutuan.

"Dalam memastikan mutu kerja penaiktarafan PIA (bakal dilaksanakan Kerajaan Persekutuan) adalah berkualiti, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan (ADUN) Seri Delima dan akan menggunakan platform sesuai untuk menyuarakan cadangan ini kepada pihak berkaitan," ujarnya pada ucapan penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima DUN Pulau Pinang Ke-13 di sini baru-baru ini.

Hock Seng dalam ucapannya turut menyambut baik pengumuman dibuat Perdana Menteri pada Bajet 2018 Pusat berhubung pelaksanaan pembesaran PIA.

"Akhirnya, pembesaran PIA diberikan keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Terima kasih diucapkan atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk berita gembira ini," seru beliau.

## Sistem Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara jangka dilaksana Jun 2018 - Kon Yeow

**GEORGE TOWN -** Sistem Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) dijangka dilaksanakan di negeri pada Jun tahun depan sehingga 2022.



CHOW Kon Yeow.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow berkata, sistem itu akan dipasang di enam lembangan sungai iaitu Sungai Pinang, Sungai Kerian, Sungai Muda, Sungai Juru, Sungai Perai dan Sungai Jawi.

"PRABN yang diperkenalkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memberi ramalan banjir lebih awal, iaitu tujuh hari sebelum banjir dijangka akan berlaku dan amaran banjir seawal dua hari berbanding sekarang (iaitu amaran enam jam sebelum banjir)," ujarnya dalam sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata demikian ketika menjawab soalan Ketua Pembangkang Datuk Jahara Hamid, yang juga ADUN Teluk Air Tawar.

Kon Yeow dalam pada itu sekali lagi memohon Kerajaan Pusat supaya meluluskan peruntukan untuk pelaksanaan 13 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM1 bilion, memandangkan Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Najib Tun Razak pada 7 November lalu turun sendiri melawat keadaan Pulau Pinang pasca bencana banjir.

**Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.**

# e-Sukan sumber ekonomi generasi muda, KN sentiasa martabat pembangunan sukan negeri

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM1 juta sebagai pemudahcara bagi pembangunan sukan elektronik atau e-Sukan.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, e-Sukan merupakan sebuah industri baharu yang bukan hanya menumpukan terhadap pembangunan permainan video, malah juga sumber ekonomi buat generasi masa kini.

"Sukan elektronik ini semakin bercambah dan kian berkembang pesat di seluruh pelosok dunia.

"Pembangunan e-Sukan kini juga semakin popular dalam kalangan anak-anak muda meskipun ia tidak mendapat publisiti meluas, namun, ramai juga yang menyertai kejohanan di peringkat antarabangsa.

"Malah, e-Sukan turut akan diperkenalkan dalam Sukan Asia 2022 nanti," ucapnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 di sini baru-baru ini.

Tambah Chong Eng, Kerajaan Negeri sentiasa memaju dan memartabatkan kesinambungan pembangunan sukan negeri.




CHONG Eng.

"Ini termasuk komitmen dan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri sukan yang aktif dan sihat khususnya dengan penjenamaan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya sukan unggul, negeri Pulau Pinang kini megah dengan inisiatif progresif dengan hala tuju mampan.

"Tambahan pula dengan pelbagai prasarana sukan baharu seperti pembinaan laluan berbasikal di bawah Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang, pembinaan tiga kompleks badminton di Lebuh Macallum, Sungai Pinang dan Jalan Bukit Panchor (Seberang Perai Selatan, SPS)," ujarnya.

Selain itu, Chong Eng turut memaklumkan pembinaan sebuah kompleks sukan di Ampang Jajar, Permatang Pauh serta cadangan untuk menambah empat lagi kolam renang dan 82 gelanggang badminton baharu dalam tempoh empat tahun bermula tahun hadapan.

Kerajaan Negeri juga, katanya, turut menerima sokongan dan suntikan daripada sektor swasta dalam inisiatif mengubah arus pembaharuan sukan di negeri ini.

"Melalui jalinan kerjasama ini, kita berhasrat untuk menaik taraf stadium mini bola sepak di Permatang Rawa dan bercadang untuk membina baru sebuah stadium hoki bernilai RM7 juta yang akan dibiayai bersama-sama sektor swasta," ujar Chong Eng.

## Pelancongan negeri terus menunjukkan perkembangkan positif

**GEORGE TOWN -** Sektor pelancongan negeri terus menunjukkan perkembangan positif apabila Pulau Pinang kini menjadi salah satu destinasi pelancongan popular dengan peningkatan kemasukan pelancong saban tahun.

Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang ketika menyampaikan ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang ke-13 berkata, selain kemasukan kapal persiaran (*cruise*) ke Pulau Pinang menduduki tangga teratas, iaitu 125 buah berbanding 78 (buah) di Pelabuhan Port Klang, sektor pelancongan perubatan juga menunjukkan peningkatan.

"Sektor pelancongan perubatan Pulau Pinang menyumbang 48 peratus daripada jumlah pendapatan pelancongan perubatan di Malaysia.

"Sehingga Jun 2017, hospital-hospital di negeri ini telah mengaut keuntungan sebanyak RM259 juta berbanding RM231 juta tahun lalu dengan peningkatan 11.9 peratus.

"Malah, Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa Pulau Pinang mendapat tempat pertama dalam kutipan cukai pelancongan yang diimplementasikan pada September lalu (2017), iaitu RM241,460 daripada 292 hotel di negeri ini," ujarnya di sini.

Dalam perkembangan sama, Heng Kiang turut menzahirkan penghargaan apabila Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

"Penaiktarafan PIA ini amat dialu-alukan memandangkan frekuensi penerbangan domestik dan antarabangsa serta penerbangan terus ke Pulau Pinang telahpun meningkat.

"Misalnya, penerbangan terus *Qatar Airways* yang akan mula beroperasi 5 Februari hadapan ke Doha, tiga kali seminggu...serta beberapa lagi penerbangan dari Timur Tengah turut diusahakan.

"Selain itu, statistik Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menyatakan bahawa jumlah penumpang di PIA bagi tempoh Januari hingga September 2017 adalah 5.3 juta orang berbanding 4.9 juta penumpang pada tempoh sama tahun 2016... peningkatan 8.67 peratus.

"(Dan) Kerajaan Negeri yakin bahawa jumlah kemasukan penumpang melalui PIA akan mencecah 7.1 juta menjelang akhir tahun ini," jelasnya yang juga berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bagi penduduk di wilayah utara menunaikan ibadah haji dan umrah.

## Kerajaan Negeri bantu pembangunan, transformasi sekolah Tamil

**GEORGE TOWN –** Sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.75 juta setahun kepada 28 sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) seluruh Pulau Pinang bagi tujuan pembangunan dan transformasi.

Menurut Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan para pelajar di sekolah-sekolah Tamil menikmati suasana yang kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Katanya, sehingga November 2017, Kerajaan Negeri berjaya mengatasi masalah kekurangan bilik darjah, menambah baik keadaan dan kemudahan bilik guru dan guru besar, menambah baik perpustakaan dan jumlah buku, membina dewan terbuka di lapan buah sekolah, membina makmal komputer di 12 sekolah serta memastikan semua sekolah Tamil mempunyai kemudahan tandas moden.

"Pendek kata, Kerajaan Negeri bukan sahaja membantu pembangunan sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang, malah juga memperbaiki infrastruktur sedia ada sehingga dikatakan sebagai yang terbaik dari segi kemudahan fizikal di seluruh negara.

"Malah, bagi memastikan pelajar di sekolah Tamil menikmati perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, Kerajaan Negeri telah membekalkan SWIPE iaitu *Smart Wireless Interactive Presentation and Education System* di beberapa buah sekolah sejak 2015.

"(Dan) Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan alat ini di semua sekolah Tamil dalam tempoh terdekat," ucapnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 baru-baru ini.

Tambah Ramasamy, bermula 2016, Kerajaan Negeri juga membekalkan kemudahan *21st Century Classroom* (Kelas Abad Ke-21) di tiga sekolah iaitu SJKT Mak Mandin, SJKT Bukit Mertajam dan SJKT Sungai Ara.

"Kemudahan kelas ini akan diperluaskan kepada semua sekolah (SJKT) secara berperingkat dari masa ke masa," jelasnya.

Lensa Buletin Mutiara







**SEBAHAGIAN kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang bertugas sepanjang berlangsungnya Mesyuarat DUN baru-baru ini.**

**Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.**

# Jawapan Dewan Rakyat, ADUN kesal RTB Sungai Pinang hanya akan mula pembinaan hujung 2018

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo melahirkan rasa kesal apabila mengetahui bahawa Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dijangka hanya akan mula dibina pada akhir tahun 2018.

Jagdeep berkata, maklumat tersebut diperoleh melalui jawapan bertulis kepada usul tergempar yang dibawa Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik di Dewan Rakyat berhubung RTB Sungai Pinang selepas banjir besar yang melanda negeri baru-baru ini.

"Di dalam perbahasan berhubung status RTB Sungai Pinang di Dewan Rakyat tersebut, saya terkejut dimaklumkan bahawa statusnya kini masih di dalam proses tender dan hanya akan ditutup pada 20 November 2017.

"Dimaklumkan bahawa projek akan dijalankan secara reka dan bina, yang mana kontraktor dilantik akan melaksanakan reka bentuk terperinci berpandukan keadaan semasa dan masa depan dengan mengambil kira perubahan iklim dunia.

"Surat setuju terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Januari 2018, dan pihak kontraktor diberikan tempoh enam bulan dari tarikh SST dikeluarkan untuk mengemukakan reka bentuk terperinci berpandukan kehendak kerajaan.

"Dan.. yang lebih mengejutkan, pembinaan RTB Sungai Pinang ini dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 2018," tegasnya yang ternyata kesal dengan maklum balas tersebut pada sesi penggulungan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan memberitahu bahawa jawapan yang diberikan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) selama ini adalah berbeza yang mana dimaklumkan bahawa projek (RTB Sungai Pinang) akan dimulakan pada Disember 2017.

"Kami (JPSPP dan Kerajaan Negeri) diberitahu bahawa reka bentuk telah selesai dan projek dijangka bakal dimulakan pada Disember ini.

"Kita memerlukan maklumat dan garis panduan yang tepat.

"Sebagai ADUN yang bertanggungjawab, saya begitu khuatir dengan perkhabaran ini...kerana seperti semua sedia maklum bahawa Datuk Keramat merupakan kawasan terbesar yang akan terjejas sekiranya berlaku banjir," gesanya.

Menurut Jagdeep, ketika mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri pada tahun 2008, didapati bahawa Fasa 1 RTB Sungai Pinang telah dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu iaitu melibatkan kerja pengambilan tanah dan sebagainya.

"Tetapi kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, PH) terpaksa memulakan semula keseluruhannya dengan fasa seterusnya iaitu penempatan semula mereka yang tinggal di tebing sungai melibatkan 232 orang dan 101 struktur.

"Ini bukan satu kerja mudah, tapi kita (Kerajaan Negeri PH) berjaya tempatkan semula penduduk membabitkan tempoh dari tahun 2008 dan selesai pada pertengahan tahun (2016) lalu.

"Berapa banyak masa telah dibazirkan? Sekiranya kerajaan terdahulu meneruskan usaha pembangunan RTB berkenaan, mungkin ia telah jimatkan beberapa tahun dan RTB tersebut telah selesai dilaksanakan.... dan kita mungkin tak perlu hadapi situasi seperti kini yang mana banjir terbesar itu telah meragut empat nyawa," ujarnya.




**JAGDEEP Singh Deo.**

Kebimbangan tersebut turut disokong oleh ADUN Pulau Betong, Datuk Sr. Dr. Muhamad Farid Saad.

Muhamad Farid menyatakan bahawa beliau tidak menjangka jawapan seperti itu akan diberikan di Dewan Rakyat kerana menurutnya, Barisan Nasional (BN) juga menantikan agar projek RTB Sungai Pinang tersebut akan dimulakan pada Januari 2018.

"Sungai Pinang adalah ibu kepada sungai-sungai di Pulau Pinang.

"Kami (BN) pun turut serius dengan masalah banjir yang berlaku hari ini dan jawapan tersebut sememangnya tidak menggembirakan kita," ulas beliau.

## 5 cadangan kuarters pekerja, sebuah bakal siap pertengahan tahun depan - Exco

**GEORGE TOWN –** Sebanyak lima projek kuarters pekerja dikemukakan kepada Kerajaan Negeri yang mana satu daripadanya kini pada peringkat pembangunan, ujar Jagdeep Singh Deo.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan tersebut berkata, sehingga kini, empat projek telah memperoleh kebenaran permohonan merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), manakala satu projek di peringkat lulus *one stop centre* (OSC).

"Projek-projek tersebut masing-masingnya melibatkan empat di kawasan Seberang Perai dan pulau (1).

"Projek yang sedang berjalan iaitu di Bukit Minyak telah memulakan kerja-kerja pembinaan, dan status kemajuannya telah mencapai kadar 40 peratus, diharap projek ini yang mampu menyediakan 6,642 katil akan siap pertengahan tahun hadapan.

"Selain daripada lima permohonan tersebut, Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti dua bidang tanah lain bagi ditawarkan kepada pihak-pihak yang berminat untuk membangunkan asrama pekerja iaitu di kawasan Batu Kawan dan utara Bukit Minyak," katanya pada sesi penggulungan mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, kelima-lima projek tersebut bakal menyediakan sejumlah 26,280 katil keseluruhannya dan dijangka siap beberapa tahun akan datang.

"Selain Bukit Minyak, empat projek lain yang telah dirancang adalah membabitkan kawasan Permatang Damar Laut membabitkan 5,000 bilangan katil, Juru (6,102), Permatang Tinggi (4,896) dan kawasan perindustrian Valdor (3,640).

"Jumlah ini adalah rendah jika nak dibandingkan kepada statistik dan data diperoleh yang mana Pulau Pinang mempunyai pekerja asing serta tempatan tidak kurang daripada 200,000 orang.

"Bilangan 26,280 katil yang disediakan ini hanya sekitar 10 peratus sahaja, jadi kita perlu meningkatkan usaha, dan Kerajaan Negeri mengalu-alukan sekiranya terdapat pihak swasta yang berminat membangunkan projek sebegini untuk tampil dan berbincang dengan kita (Kerajaan Negeri)," serunya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

## Belanja RM1.45 juta demi tingkatkan industri penternakan negeri – Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, sejumlah RM1.45 juta telah dibelanjakan demi meningkatkan industri penternakan di Pulau Pinang.



**DR. Afif Bahardin.**

Menurutnya, perolehan anak ayam piru dari United Kingdom dengan belanja RM49,500 dan kambing tenusu pejantan dari Australia melibatkan kos hampir RM100,000 merupakan antara program insentif yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri turut membiayai pelbagai projek bagi memastikan industri penternakan di negeri ini tidak ketinggalan.

"Kerajaan Negeri, melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar membelanjakan peruntukan bernilai RM1,451,177.40 bagi meningkatkan industri penternakan," ujarnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menjelaskan bahawa pada 24 Oktober lepas, beliau sendiri mengagihkan baka kambing tenusu pejantan dari Australia kepada penternak berwajib.

Dalam sektor pertanian pula, beliau menyatakan, pada tahun 2016, sebanyak 148,297 tan metrik padi berjaya dihasilkan, selain 98,578.78 tan buah-buahan, 44,006.62 tan sayur-sayuran.

"Pada tahun sama (2016), tanaman ladang sebanyak 6,489.30 tan metrik telah berjaya dihasilkan di negeri ini," jelas beliau.

# Kebakaran Lorong Madrasah, KN usaha bantuan segera termasuk tempat tinggal sementara

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI PINANG -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turun padang mengadakan lawatan khas terhadap mangsa-mangsa kebakaran di Lorong Madrasah, Jelutong di sini 2 November lalu.

Bersempena lawatan berkaitan, Guan Eng turut menyampaikan bantuan segera masing-masing bernilai RM1,000 kepada tujuh mangsa terlibat.

Turut disampaikan, bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masing-masing berjumlah RM500.

"Hari ini saya datang bagi sedikit bantuan daripada peruntukan saya sebanyak RM1,000 dan JKM (masing-masing), RM500.

"Selain itu, bantuan Tabung Bencana TYT akan diberikan sebagai tambahan, yang juga masing-masing berjumlah RM1,000 oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim sebagai wakil," katanya di Dewan Orang Ramai Jalan Madrasah di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Siew Khim sendiri.

Kejadian baru-baru ini dipercayai membabitkan 10 keluarga dan kediaman mereka hangus dalam kebakaran berkaitan.

Menurut Guan Eng, apa yang penting dalam masa terdekat ialah mencari tempat tinggal sementara bagi keluarga-keluarga terlibat.

"Kita (Kerajaan Negeri) bersama JKM perlu aturkan tempat tinggal sementara, dan itu kita sedang usahakan.

"Apa yang paling penting ialah tiada kecederaan dan kehilangan nyawa. Itu yang kita perlu berasa syukur," ujarnya yang juga ADUN Air Putih.



**KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa kebakaran Lorong Madrasah di sini baru-baru ini.**

## Kemenangan lalu suntik semangat Yu Qi terus sertai peraduan mewarna Buletin Mutiara




**CHEW Yu Qi menunjukkan karya berserta hadiah diterimanya pada penganjuran Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna 4.0 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Chew Yu Qi, 9, dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Beng Teik Pusat dekat Bukit Mertajam muncul juara Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna 4.0 di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM400 dan sijil penyertaan.

Yu Qi ketika ditemui memberitahu, kemenangan tempat ketiga yang digondolnya pada penganjuran Peraduan Bakat Si Cilik Mewarna 3.0 tahun lalu seakan memberi semangat kepada beliau untuk terus menyertai peraduan anjuran Buletin Mutiara.

"Gembira! Sudah pasti saya akan mencubanya lagi pada masa akan datang, malah akan galakkan lebih ramai ahli keluarga dan rakan-rakan untuk turut serta," ujarnya yang ternyata bersyukur dengan kemenangan tersebut sambil menyatakan bahawa wang tersebut akan disimpan untuk kegunaan masa hadapan.

Kegembiraan sama turut dikongsi oleh Ch'ng Chiew Hui, 13, dan Lim Xin Ying, 16, yang masing-masing dinobatkan sebagai juara dan naib juara Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: Saya ♥ Pulau Pinang.

Kemenangan tersebut melayakkan Chiew Hui menerima hadiah wang tunai bernilai RM500 berserta sijil penyertaan.

Kedua-dua penganjuran yang berlangsung dari 1 April hingga 31 Julai 2017 masing-masingnya menerima kira-kira 2,000 penyertaan.

## Inisiatif meremajakan Butterworth dorong peningkatan GDV – YDP MPSP

**BAGAN –** Inisiatif dijalankan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam meremajakan semula bandar Butterworth telah meningkatkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak 2.5 kali ganda iaitu RM306,858,693 pada bulan Ogos 2017, berbanding RM132,500,000 (2015).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, di kawasan Butterworth sahaja, sebanyak 15,570 batang pokok telah ditanam sejak 2008 sehingga September 2017, dan jumlah penyerapan gas rumah hijau mencapai 0.343 kt $CO_2e$ *(kilotone (kt) carbon dioxide equivalent ($CO_2e$)*.

"Kepentingan pokok dalam pengurangan gas rumah hijau tidak boleh dinafikan, dan MPSP akan terus komited merealisasikan hasrat menanam pokok di seluruh Seberang Perai bagi mencapai hasrat dalam menjadikan bandar Seberang Perai sebuah bandar raya rendah karbon serta pintar pada tahun 2022.

"Dalam pada itu, kita (MPSP) juga berusaha mewujudkan taman-taman kecil seperti taman poket dan reruang awam ke arah menjadikan bandar ini lebih hijau, indah serta memberi ruang buat masyarakat berkumpul bagi tujuan riadah.

"Antara yang telah dijalankan dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) ialah *Butterworth Art Work* di Lorong Bagan Luar 1, Projek Naik Taraf Pocket Park Lebuh Benggali, Butterworth dan Projek Naik Taraf Tempat Letak Kereta serta Rain Garden di Jalan Jeti Lama," ujarnya pada Majlis Perasmian Rain Garden dan Pelancaran Buku The Little Mamak: Lost In Bagan di sini 28 Oktober lalu.

Hadir menyempurnakan majlis peluncuran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, A. Tanasekharan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam), Ir. Rosnani Mahmod (Setiausaha Perbandaran) dan Murali Ram (Pengurus Projek ThinkCity).

Difahamkan, kos keseluruhan bagi menaik taraf projek Rain Garden adalah sebanyak RM343,918.11, yang mana RM100,000 dibiayai Kerajaan Negeri, manakala baki RM243,918.11 (ThinkCity).

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya menjelaskan bahawa Rain Garden direka khusus mengandungi sekelompok tanaman yang berfungsi untuk menyerap serapan air hujan tinggi dan bertindak sebagai penapis aliran hujan dari permukaan tanah kedap air.



**RUPA bentuk Rain Garden yang telah siap dinaik taraf.**

"Jika sebelumnya tapak ini merupakan tempat letak kereta, tetapi kini ia telah ditransformasikan kepada sebuah lokasi awam yang mempunyai landskap cantik dan boleh dijadikan sebagai kawasan hijau bagi kegunaan awam.

"Justeru, saya menyeru kepada seluruh penduduk setempat agar sama-sama menjaga kemudahan awam yang telah disediakan di sini," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Serentak itu, Guan Eng turut melancarkan buku hasil coretan anak Butterworth iaitu karikatur, Azmi Hussin yang bertajuk *The Little Mamak: Lost In Bagan*.

Dalam bukunya, Azmi membawa para pembaca melalui kawasan bandar untuk mencari tempat lepak dan makanan kegemarannya di sekitar Butterworth atau Bagan.

# Sumbangan berterusan cermin Kerajaan Negeri sokong perkembangan bidang hafazan - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim mahu lebih ramai huffaz al-Quran menyertai pasaran kerjaya profesional dan tidak hanya terikat dengan bidang keagamaan semata-mata.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah dan Penyampaian Sumbangan Kepada Para Hafiz di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu menggalakkan golongan huffaz al-Quran mampu 'dilahirkan' sebagai seorang jurutera, doktor, cendekiawan dan lain-lain kepakaran profesional.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) amat sarankan agar mereka ini (huffaz al-Quran profesional) mampu menabur bakti kepada masyarakat dan negara sekaligus menjadi *role model* dan teladan kepada generasi akan datang," ujarnya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Sazali Hussein.

Menurut Abdul Malik, sejak skim sumbangan kepada para huffaz al-Quran diperkenalkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 2008, sebanyak RM1,462,490 dibelanjakan dalam usaha menjadikan hafazan al-Quran bidang yang berdaya saing.

Malah, tambahnya, dana sumbangan tersebut saban tahun meningkat seiring dengan peningkatan jumlah para huffaz al-Quran di Pulau Pinang, dan adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat matlamat 'Satu Rumah, Satu Hafiz' dapat direalisasikan.

Difahamkan, pada 2008, seramai 103 hafiz menerima sumbangan berkaitan, 137 (2009), 180 (2010), 260 (2011), 350 (2012), 405 (2013), 470 (2014), 520 (2015), 541 (2016) dan 600 (2017) melibatkan dana berjumlah RM300,000.

"Sumbangan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri menyokong perkembangan bidang hafazan, dan idea sumbangan ini telah dicadangkan oleh Ketua Menteri pada 2008 yang begitu kagum dengan kemampuan para huffaz al-Quran menghafal 30 juzuk al-Quran," ujarnya pada majlis yang disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkenaan.

Abdul Malik dalam pada itu turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersama-sama pengetua-pengetua tahfiz seluruh negeri telah bermesyuarat bagi membincangkan mengenai soal keselamatan di premis tahfiz.

"Perbincangan tersebut termasuklah cadangan penubuhan bomba sukarela di institusi tahfiz itu sendiri.

"(Dan) perbincangan akan diteruskan pada masa hadapan bagi mencari solusi terbaik," ujarnya.

Pada majlis tersebut, sebanyak lima penyampaian anugerah diadakan iaitu Anugerah Tokoh Al-Hafiz, Anugerah Al-Hafiz Termuda, Anugerah Guru Al-Hafiz, Anugerah Keluarga Al-Hafiz dan Anugerah Tahfiz Terbaik.

Bagi penerima, **ALIF DANIEL MOHAMED ALFIE**, 12, dari Maahad Tahfiz Al-Quran Sijarul Quran, tiada apa yang dapat digambarkan dengan kata-kata kegembiraannya apabila merangkul Anugerah Al-Hafiz Termuda, setelah berjaya menghafaz al-Quran dalam tempoh dua tahun setengah.

"Saya seronok dapat penganugerahan ini... untuk mempercepatkan hafazan, beberapa perkara perlu dititikberatkan iaitu tumpuan, jaga pemakanan, adab, istiqomah dan teruskan berdoa," jelasnya.

Bagi Anugerah Tokoh Al-Hafiz 2017, ia berjaya disandang Pegawai Hal Ehwal JHEAIPP, **MOHAMAD ZAKI ABDUL HALIM**.

"Saya berharap mereka ini turut menyertai dunia teknokrat selain al-Quran tersemat di dada.

"Dari situlah mereka lebih boleh berbakti kepada masyarakat dan menjadi tenaga kerja dalam industri.

"Saya turut memuji usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memberikan pengiktirafan kepada para huffaz al-Quran sekali gus membuka mata masyarakat akan bidang ini dan tidak memandang huffaz ini terikat dengan agama semata-mata," ulas beliau.

Antara penerima anugerah lain ialah Muhammad Mu'az Mohd. Noor (Anugerah Al-Hafiz Termuda 2); Mohd. Yusof Abdul Mutalib (Anugerah Guru Al-Hafiz); Che Sulong Mat (Anugerah Keluarga Al-Hafiz) dan Tahfiz Al-Quran Darus Syaribiyyah Kampung Tasek Junjung, Bukit Mertajam ditabalkan sebagai Tahfiz Terbaik.



**ALIF Daniel Mohamed Alfie.**

# Kad pintar Saya ❤ Pulau Pinang inisiatif kurang beban rakyat, termasuk perubatan & kesihatan

**DATUK KERAMAT -** Ekoran penurunan peruntukan perubatan dibentangkan dalam Bajet 2018 Pusat dari RM950 juta kepada RM931 juta, Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan kad pintar Saya ❤ Pulau Pinang mulai tahun depan sebagai salah satu inisiatif menangani beban rakyat berhubung perkara berkaitan, kata Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Perkara tersebut dinyatakan beliau ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat dekat Taman Jajar di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) lihat hal ini berlaku, jadi kita (Kerajaan Negeri) kena bantu rakyat kerana ianya melibatkan ubat dan kesihatan.

"Kita (Kerajaan Negeri) perkenalkan kad pintar Saya ❤ Pulau Pinang pada Bajet Marhaen 2018 yang dibentangkan pada 2 November lalu.

"Kita (Kerajaan Negeri) hendak bantu mana-mana keluarga yang berpendapatan RM5,000 ke bawah... kita (Kerajaan Negeri) 'masukkan' kredit RM300 supaya rakyat boleh ke klinik swasta, sekali jumpa doktor maksima RM50 bersamaan enam kali setahun. Saya mahu doktor yang bagus.

"Kalau belum kahwin (bujang), gaji bulanan tidak lebih RM2,500, kita (Kerajaan Negeri) bagi kredit RM150," jelasnya yang juga ADUN Air Putih pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap ADUN Datuk Keramat selaku tuan rumah, Jagdeep Singh Deo; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Seri Delima, R.S.N Rayer; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Kon Yeow, Jagdeep dan Chuan Aun turut berucap pada majlis rumah terbuka tersebut.

Mengulas lanjut mengenai kad pintar tersebut, Guan Eng memaklumkan bahawa kad itu juga bakal melayakkan rakyat negeri ini menaiki bas awam percuma di waktu puncak.

Antara intipati Bajet Marhaen 2018 yang diulas Ketua Menteri termasuk pemberian insentif RM300 kepada wanita bekerjaya yang mempunyai anak berusia enam tahun dan ke bawah; kenaikan 30 peratus insentif Program Warga Emas dan orang kurang upaya (OKU) kepada RM130 dan pengecualian cukai pintu bagi rumah kos rendah, sederhana rendah serta rumah kampung.

Turut tersenarai, pengecualian fi lesen perniagaan bagi penjaja kecil; pemberian kanopi Saya ❤ Pulau Pinang kepada 2,000 penjaja; naik taraf Little India; peruntukan rancangan tebatan banjir (RTB) RM62 juta; pembinaan empat kolam renang bersaiz olimpik serta 82 gelanggang badminton dalam menjadikan Pulau Pinang 'negeri badminton'; projek khas pembangunan seni di Persiaran Karpal Singh dan Gat Lebuh Macallum; peningkatan sumbangan hal ehwal Islam dari RM50 juta kepada RM53 juta; peruntukan e-Sukan bagi anak muda dan pelbagai lagi demi rakyat.

"Bajet ini adalah untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan latar belakang... kita (Kerajaan Negeri) tidak anti mana-mana agama seperti dituduh, kita cuma anti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan anti-rasuah," tegas beliau.

Pada majlis rumah terbuka tersebut, kira-kira 100 individu kurang bernasib baik turut menerima bantuan berupa barangan keperluan harian.




# Kem remaja membentuk minda lestari

Sumbangan : ***PENANG GREEN COUNCIL* (PGC)**

**SERAMAI** 27 orang pelajar berusia antara 14 hingga 18 tahun dari Pulau Pinang dan Kedah telah menyertai Kem Remaja anjuran Penang Green Council. Kem yang memasuki tahun ketiga penganjurannya tahun ini bertemakan 'Tenaga Yang Boleh Diperbaharui: Kuasa Alam Semulajadi', berlangsung pada 4&5 Nov 2017 di Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bunga, Pulau Pinang.

Kem Remaja ini dirangka khusus untuk menggalakkan para pelajar berfikir secara kritis dan menyediakan mereka untuk memimpin dan mewujudkan alam sekitar yang lebih mampan. Kem ini memberi penekanan tentang peranan golongan remaja dalam pemuliharaan alam sekitar dengan memberi fokus kepada tenaga yang boleh diperbaharui.

"Semasa sesi perkongsian, saya teruja dengan idea yang telah dibentangkan oleh para peserta kerana ianya sangat menarik dan mengagumkan. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada PGC kerana memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi idea dan pandangan mereka," kata Cik Loo Qiu Xi dari Solarvest Energy Sdn Bhd. Beliau telah berkongsi mengenai Tenaga yang Boleh Diperbaharui serta kepentingannya kepada alam sekitar. Selain itu, Encik Lai Chee Hui dari Water Watch Penang turut dijemput untuk berkongsi mengenai peranan remaja dalam mengurangkan impak perubahan iklim.

Selain daripada sesi perkongsian, kem ini juga terisi dengan beberapa aktiviti menarik seperti reka cipta ketuhar solar menggunakan bahan kitar semula, Explorace Pencarian Tenaga, dan tayangan filem alam sekitar. Para pelajar diberi peluang untuk membentangkan idea-idea mengenai model yang menggunapakai tenaga yang boleh diperbaharui. Melalui aktiviti yang dijalankan, para peserta telah memperoleh pelbagai maklumat berguna mengenai tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia serta kepentingannya kepada alam sekitar.

Kem Remaja ini turut mendapat sokongan daripada sekumpulan sukarelawan dari Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Solarvest Energy Sdn Bhd, Water Watch Penang, serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Kem Remaja 2017.

Penang Green Council (PGC) merupakan sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (NPO) yang ditubuhkan untuk memupuk dan memberi kesedaran dan pendidikan alam sekitar di Pulau Pinang. PGC telah menganjurkan beberapa siri program jaringan komuniti seperti Kem Hijau, Kem Hijau Muda, Bengkel Kepenggunaan, dan Kem Remaja sebagai usaha untuk mendekati masyarakat. Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pihak penganjur bersama, sila hubungi kami di 04-2503322 / 3321 atau e-mel: *info@pgc.com.my*.



27 peserta Kem Remaja merakamkan gambar berkumpulan bersama-sama penganjur dan sukarelawan USM.




SEKUMPULAN peserta yang mengambil bahagian di dalam salah satu aktiviti yang dijalankan.



SALAH sebuah kumpulan menunjukkan hasil kerja mereka dalam aktiviti Explorace Pencarian Tenaga baru-baru ini.



SEKUMPULAN pelajar menggunakan bahan-bahan kitar semula bagi menghasilkan ketuhar solar.



PARA peserta merakamkan gambar bersama-sama salah seorang penceramah jemputan, Loo Qiu Xi dari Solarvest Energy Sdn. Bhd..

# Perhebat platform sains matematik harungi cabaran Revolusi Industri 4.0

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**SERI DELIMA -** Bagi mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0, generasi yang bakal dilahirkan mesti berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi dalam menempuh cabaran teknologi yang semakin kompleks.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah platform untuk membentuk generasi yang menguasai empat teras berkenaan.

"Ia menghubungkan pelajar dengan setiap cabaran dalam Industri 4.0 terutamanya subjek matematik.

"Minat dan kesungguhan dalam kalangan pelajar perlu dipupuk secara konsisten bagi mendorong penguasaan displin ilmu yang lebih baik.

"Justeru, PMP (*Penang Math Platform*) ditubuh dan merupakan pusat pertama seumpamanya di negeri ini yang mana agenda dan programnya merangkumi semua peringkat keperluan, dari pelajar pra-sekolah menjadi profesional dan pakar dalam bidang sains matematik," ujarnya pada Majlis Perasmian PMP dekat *Karpal Singh Penang Learning Centre* (KSPLC) di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN kanak-kanak yang tertarik dengan salah satu demonstrasi pada Majlis Perasmian PMP di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, R.S.N. Rayer (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Seri Delima), Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) dan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru).

Selain menawarkan akses sama kepada kepakaran dan sumber, kemudahan PMP dekat KSPLC di Gelugor juga menempatkan makmal pengajian pada skala besar dengan kemudahan Wi-Fi percuma kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa organisasi STEM di Pulau Pinang seperti PSDC (*Penang Skills Development Centre*), PSC (*Penang Science Cluster*), PMP, TDP (*Tech Dome Penang*), PDL (*Penang Digital Library*) dan @CAT Penang membantu menyediakan generasi masa depan bagi mendepani Industri 4.0 ini.

"Pusat-pusat ini adalah bagi mempromosikan minat lebih mendalam terhadap matematik yang akan meningkatkan daya saing di dalam STEM.

"Kerana... menurut satu kajian yang dilakukan oleh TIMSS (Trend dalam Kajian Matematik dan Sains Antarabangsa) serta PISA (Program Pelajar-pelajar Antarabangsa) mendapati bahawa pelajar kita yang berusia 15 tahun begitu ketinggalan dalam pencapaian sains dan matematik berbanding dengan negara ekonomi Asia lain seperti Singapura dan Jepun, malah lebih rendah daripada pelajar di Thailand dan Vietnam," jelasnya.

## RM2 juta laksana kelas pengekodan kepada pelajar menengah, rendah

**GEORGE TOWN –** Bagi menyediakan bakat manusia untuk memacu serta menyokong ekonomi digital dan revolusi perindustrian 4.0, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sejumlah RM2 juta bagi mewujudkan kelas pengekodan kepada pelajar-pelajar menengah dan rendah di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, program tersebut bakal menjangkau kira-kira 118,000 pelajar menengah dan rendah bagi mendedahkan mereka kepada ekonomi digital.

"Pulau Pinang komited untuk memberikan penekanan serta meningkatkan semangat dalam kalangan generasi muda di dalam bidang sains dan teknologi.

"Bakat adalah segala-galanya...kita (Pulau Pinang) perlu melatih pelajar-pelajar muda untuk mahir di dalam pengekodan, tidak terkecuali golongan wanita," ujarnya pada Majlis Penghargaan Design-A-Thon 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengurus Besar Penang Hill Corporation (PHC), Cheok Lay Leng.

Dalam usaha menyediakan bakat ke arah revolusi perindustrian 4.0, Guan Eng menyatakan bahawa negeri juga telah mengumumkan pembentukan Penang STEM Sdn. Bhd. iaitu sebuah organisasi yang memayungi @CAT Penang, *Penang Skill Development Centre* (PSDC), *Penang Science Cafe* (PSC), Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang (KSPLC), *Tech Dome Penang* (TDP) dan *Penang Digital Library* (PDL).

"Malah, Kerajaan Negeri juga bakal membangunkan PDL kedua (PDL-2) berkeluasan 16,000 kaki persegi.

"Ia akan melibatkan kos sebanyak RM10.8 juta, dan PDL-2 ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang akhir Disember 2018," jelas beliau.

## Pemasangan WSD sebagai langkah strategik penjimatan air secara 'automatik' - Jaseni

**GEORGE TOWN –** Pemasangan alat peranti penjimatan air atau *water saving devices* (WSD) bagi semua projek pembangunan baharu di Pulau Pinang dilihat sebagai langkah strategik penjimatan air secara 'automatik'.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, langkah tersebut adalah bagi menyokong dasar 'Tiada Catuan Air' di Pulau Pinang sekaligus dapat mengurangkan penggunaan air terutama ketika musim kemarau.

Menurutnya, WSD direka betuk bagi menjimatkan penggunaan air secara automatik tanpa memerlukan penguna mengubah gaya hidup harian.

"Penggunaan basin, bilik mandi dan tandas tetap sama, cuma penggunaan air dikurangkan dengan setiap penggunaan.

"PBAPP telah memasang pelbagai jenis WSD di bangunannya sejak tahun 2012, dan mendapati WSD dapat mengurangkan penggunaan air dengan berkesan antara 14 peratus hingga 87 peratus.

"(Dan) pemasangan WSD diakui sebagai salah satu langkah pemuliharaan air yang paling berkesan di seluruh dunia," ujarnya melalui kenyataan media bertarikh 30 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, PBAPP telah mengemukakan cadangan rasmi tersebut kepada Kerajaan Negeri pada 20 Oktober 2017 dan memohon pindaan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Negeri Pulau Pinang) 1986 untuk menjadikannya sebagai mandatori bagi pemaju untuk projek pembangunan baharu.

"Berikutan pindaan undang-undang kecil ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kemudiannya akan menguatkuasakan peraturan ini secara besar-besaran untuk jangka masa panjang di negeri ini.

"Rasionalnya (pemasangan WSD), Pulau Pinang adalah negeri yang kekurangan air dan hanya satu sumber air mentah utama iaitu Sungai Muda dan aktiviti pembalakan di kawasan tadahan Ulu Muda, Kedah telah menjejaskan kuantiti serta kualiti air di Sungai Muda.

"Tambahan pula, Kerajaan Persekutuan telah menangguhkan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), dan ini meningkatkan risiko kekurangan air setiap tahun dengan perubahan iklim yang memberi kesan terhadap ketersediaan air mentah dari Sungai Muda dan empangan-empangan di Pulau Pinang," jelasnya yang turut berhasrat mengurangkan penggunaan domestik per kapita negeri yang mencatatkan 286 liter per kapita per hari (l/k/h) berbanding purata kebangsaan 209 l/k/h.

**Penjimatan air selepas pemasangan WSD di bangunan PBAPP sejak 2012:**

| Jenis Kelengkapan | Sebelum WSD (liter / minit) | Selepas WSD (liter / minit) | Peratusan Penjimatan (%) |
|---|---|---|---|
| Paip Basin | '12 - 16 | *Self-shutting type:* 2 | 83 – 87 |
| | | Tip touch type: 6 | 50 - 63 |
| *Bib Tap* | 12 – 15 | | 58-67 |
| Kepala Pancuran | 14 - 20 | | 14-40 |
| *Sink Tap* | '12 - 18 | | 50-67 |

# Jambatan Farlim - Lembah Ria, ADUN harap siap sebelum Tahun Baru Cina

**AIR ITAM -** Sejurus pasca banjir yang melanda Pulau Pinang pada 15 September lalu, Kerajaan Negeri meluluskan dana berjumlah RM890,000 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Daerah Timur Laut bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih struktur yang rosak dan kerja-kerja pembersihan di kawasan terjejas.

Perkara tersebut dimaklumkan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai pada sesi lawatan ke tapak projek bina semula jambatan di Lembah Ria, Air Itam di sini baru-baru ini.

Menurut Hon Wai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, daripada jumlah dana yang diluluskan, sebanyak RM195,434 disalurkan untuk membina semula jambatan menghubungkan kawasan Farlim dan Lembah Ria.

“Jambatan dianggarkan berusia lebih 50 tahun ini rosak teruk akibat arus deras, dan boleh dikatakan ini (projek) merupakan pembinaan semula dan bukannya projek menaik taraf kerana kerosakan yang berlaku adalah agak besar,” ujarnya yang turut bersama-sama Jurutera Daerah JPS Daerah Timur Laut, Nortilawati Osman pada sesi lawatan berkaitan.

Bercakap kepada pemberita, Hon Wai berharap projek yang dimulakan pada 23 Oktober 2017 tersebut dapat disiapkan sebelum sambutan Tahun Baru Cina 2018 meskipun jadual siap dijangka, 23 Februari 2018.

“Ini adalah kerana pada sambutan Tahun Baru Cina kelak, ramai yang akan pulang ke kampung halaman dan laluan tersebut merupakan salah satu keperluan," jelasnya.

Dalam pada itu, Nortilawati memberitahu, antara skop kerja projek tersebut adalah menanggal dan mengangkut binaan yang runtuh, pembinaaan cerucuk baharu, pembinaan jambatan trafik berkapasiti ringan dengan ukuran 15 meter panjang serta 4 meter lebar, menyediakan lapisan tar, memasang pagar dan paling utama adalah pembinaan *rubber pitching* sebagai penahan cerun.

“Sebelum ini, jambatan ini tiada cerucuk, justeru kali ini kita akan buat (cerucuk) termasuk membina tembok *rubber pitching* supaya cerun bawah jambatan ini mampu menahan arus deras,” jelasnya.



**WONG Hon Wai (berkemeja merah jambu) dan wakil-wakil jabatan terlibat ketika mengadakan lawatan ke tapak projek bina semula jambatan di Lembah Ria di sini baru-baru ini.**



# Ucapan perbahasan RUU Perbekalan 2018 (Bahagian 1)

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Felo Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

Terima kasih atas peluang untuk turut serta dalam perbahasan peringkat dasar RUU Perbekalan 2018.

**Tragedi Tanjung Bungah**

Tuan yang dipertua,

**PADA** 21 Oktober 2017 yang lalu, telah berlaku satu kemalangan tragis di tapak pembinaan skim perumahan mampu milik di Lembah Permai, Tanjung Bungah, yang mengorbankan 11 nyawa pekerja – termasuk seorang rakyat Malaysia. Kejadian ini merupakan satu tragedi yang menyayat hati, lebih-lebih lagi buat keluarga mangsa. Saya sendiri berada di sana selama dua hari dan berasa sangat sayu apabila melihat pasukan penyelamat menarik keluar mayat mangsa satu demi satu dari runtuhan.

Tidak boleh dinafikan bahawa jentera Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bertindak dengan cukup cepat dan tegas. Dalam masa kurang sejam peristiwa berlaku, pemimpin negeri sudah berada di lokasi untuk membantu mengawal keadaan dan memudahcara operasi mencari dan menyelamat, bersama-sama dengan semua agensi lain termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam dan lain-lain lagi.

Pada tengahari itu, Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri melawat tapak tersebut dan terus mengumumkan bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan Negeri yang bebas akan diwujudkan bagi memastikan tiada perkara disembunyikan demi mengenal pasti punca kemalangan. Suruhanjaya tersebut juga diberi mandat untuk memanggil sesiapa sahaja untuk disoal siasat. Tambahan kepada itu, semua minit mesyuarat dan surat-surat rasmi yang berkaitan dengan projek tersebut juga telah didedahkan atas nama ketelusan.

Pada masa yang sama, arahan berhenti kerja dikeluarkan dengan segera kepada pemaju, sementara perunding profesional dan kontraktor utama yang terlibat dalam projek tersebut disenarai hitamkan sehingga keputusan siasatan diperolehi. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memerintahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk membuat laporan polis untuk menyiasat kemungkinan terjadinya kecuaian profesional (professional negligence). Bagi Kerajaan Negeri, keutamaan adalah untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke muka pengadilan. Tiada kompromi dalam hal ini.

Walaupun telah menunjukkan tahap komitmen yang tinggi, Kerajaan Negeri terpaksa berhadapan dengan media arus perdana dan pihak-pihak tertentu yang ingin mengkambinghitamkannya seolah-olah peristiwa itu merupakan salah Kerajaan Negeri. Mereka cuba menggambarkan kononnya Kerajaan Negeri tidak menuruti tatacara pengendalian serta prosedur yang standard dan betul dalam memberi kelulusan bagi projek tersebut.

Tuduhan ini merupakan fitnah semata-mata, dan saya amat kesal dengan pihak-pihak yang mempolitikkan tragedi ini. Contohnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mengeluarkan kenyataan mengecam Kerajaan Negeri kerana meluluskan projek walaupun menerima bantahan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai kuari serta lereng bukit yang curam. Dalam kenyataan Kementerian bertarikh 22 Oktober, Kerajaan Negeri didakwa tidak menerima nasihat JAS untuk mendapatkan penilaian impak alam sekitar (*environmental impact assessment, EIA*).

Kenyataan ini sungguh tidak bertanggungjawab dan berniat untuk mengelirukan. Apabila semakan dibuat, ulasan daripada JAS melalui surat bertarikh 23 Januari 2015 menyatakan bahawa mereka tidak menyokong permohonan pemajuan tersebut atas sebab jarak kuari yang berdekatan, dan langsung tidak menyebut mengenai lereng bukit atau keperluan EIA.

Anehnya, JAS tidak pula membantah apabila Kerajaan Negeri terdahulu meluluskan Kolej Tunku Abdul Rahman yang terletak bersebelahan projek di mana kemalangan berlaku. Malah, jaraknya dari kuari juga lebih kurang sama jika tidak lebih dekat kepada tapak letupan. Tidakkah ini membuktikan sikap dwi-standard JAS?

Pada masa yang sama, rakan-rakan saya dari Sarawak telah memaklumkan bahawa terdapat dua kuari di Kuching, satu di Batu Tujuh dan satu lagi di Batu Stigang, yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahan dengan jarak antara 250 hingga 350 meter sahaja dari tapak letupan – jauh lebih dekat berbanding projek yang ditimpa kemalangan. Jadi, mengapakah JAS boleh bertindak membantah projek perumahan mampu milik di Tanjung Bungah tetapi tidak membantah projek yang lebih teruk pelanggaran syaratnya?

Sehubungan dengan itu, Kementerian juga senyap mengenai hakikat bahawa Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), juga sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, telah memberi lampu hijau kepada pemajuan yang sama di Tanjung Bungah. Perlu ditekankan di sini bahawa JMG merupakan agensi pakar bagi aktiviti pelombongan termasuk kuari serta kestabilan tanah dan lereng. Dalam erti kata lain, ulasan JMG dalam hal ini adalah lebih kritikal berbanding agensi-agensi lain, dan kelulusan telah diberikan oleh pihak berkuasa tempatan atas dasar sokongan daripada agensi pakar. Pada masa yang sama, selain JAS, tiada jabatan teknikal lain yang membantah projek tersebut.

Pun begitu, kenyataan turut dibuat dalam dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mendakwa kononnya PLANMalaysia (dahulu dikenali sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menolak permohonan pemajuan tersebut. Namun menurut surat jabatan itu sendiri kepada pihak berkuasa tempatan yang bertarikh 11 Disember 2014, mereka tidak membantah malah menyatakan tiada halangan.

Saya juga ingin tambah bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya mengamalkan syarat yang lebih ketat dalam hal pembangunan di lereng bukit berbanding Kerajaan Persekutuan. Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melarang sama sekali pembangunan yang melebihi 76 meter dari paras laut manakala garispanduan Kerajaan Persekutuan menetapkan 300 meter sebagai paras maksima. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri amat tegas dalam hal pembangunan, tidak seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Jelas, terdapat usaha berniat buruk oleh pihak sebelah sana untuk memfitnah dan menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas kemalangan yang berlaku. Saya mengecam tindak tanduk sedemikian kerana ia hanya akan menggangu siasatan serta menimbulkan kekeliruan dan kesusahan hati, khususnya bagi keluarga mangsa. Tindakan keji mereka yang mempolitikan isu ini amat dikesali.

**Mengangkat martabat pasukan bomba**

Tuan yang dipertua,

Rentetan tragedi di Tanjung Bungah, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak rakyat Tanjung Bungah dan semua yang terlibat untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (bomba) yang telah menunjukkan dedikasi dan sikap kerja yang tidak mengenal putus asa. Usaha mereka yang berterusan selama 48 jam berturut-turut telah memungkinkan kesemua mayat mangsa dikeluarkan dengan segera walaupun tertimbus dalam runtuhan yang begitu besar.

Seramai lebih kurang 200 anggota bomba telah berkampung di kawasan kemalangan siang dan malam dengan membentuk tiga kumpulan yang bekerja secara bergilir-gilir bagi membolehkan operasi penyelamatan dilakukan secara 24 jam tanpa henti.

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan daripada lima buah balai bomba, iaitu Bagan Jermal, Prai, Jalan Perak, Paya Terubong dan Kepala Batas atas komitmen mereka dalam menghadapi situasi mencabar ini. Pada masa yang sama, operasi ini tidak akan berjaya tanpa bantuan dan sokongan daripada pasukan dari ibu pejabat dari Putrajaya serta pasukan SMART (*Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team*), pasukan STORM (*Special Tactical Operation and Rescue Team of Malaysia*) dan unit pengesan (K9) yang telah menyumbang kepakaran mereka. Tidak dilupai juga pasukan-pasukan bomba sukarela yang telah membantu menjayakan operasi.

Semua warga bomba telah sekali lagi membuktikan bahawa mereka mempunyai kepakaran teknikal yang serba boleh dan mampu menghadapi apa juga cabaran. Operasi yang dilakukan tidak mudah apabila terdapat banyak cerucuk besi, batuan besar serta tanah liat yang melambatkan usaha mencari dan menyelamat. Mujur, dengan kepakaran pasukan bomba, segala cabaran dapat diatasi dalam masa yang singkat.

Walaupun senantiasa berhadapan dengan risiko yang amat tinggi, khususnya semasa kebakaran atau operasi penyelamatan dalam keadaan tanah runtuh, banjir dan musibah lain, pengorbanan anggota bomba seringkali kurang diiktiraf. Ini jelas terbukti apabila skim perkhidmatan mereka yang terletak di bawah Perkhidmatan Awam Am dianggap lebih rendah tarafnya berbanding Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Oleh yang demikian, saya ingin mengulangi cadangan yang pernah saya buat di dewan yang mulia ini, iaitu untuk menyelaraskan skim gaji anggota bomba agar setaraf dengan pasukan polis, kerana pelaksanaan tugas dan tanggungjawab pasukan bomba secara lazimnya mendedahkan mereka kepada risiko tinggi dan keadaan yang amat sukar dan bahaya.

Pada masa yang sama, elaun dan kemudahan pegawai bomba juga harus dikaji semula agar setimpal dengan tanggungjawab mereka serta kos sara hidup yang kian meningkat. Sebagai contoh, beban kerja anggota bomba di kawasan bandar adalah jauh lebih berat berbanding rakan sejawatan mereka di kawasan luar bandar atau separa bandar. Kadar kemalangan, kebakaran dan bencana adalah tidak sekerap berbanding di bandar. Tambahan lagi, kos untuk menyara diri dan keluarga di kawasan bandar adalah jauh lagi mahal. Namun, tiada elaun khas atau elaun tambahan selain Bantuan Sara Hidup (*cost of living allowance, COLA*) yang tidak seberapa. Seharusnya patut diwujudkan satu elaun khas, umpamanya "elaun risiko" yang menjadi kelaziman di negara-negara lain, berdasarkan kesukaran kerja dan tahap bahayanya sesebuah kawasan.

Sudah tiba masanya kita menghargai jasa dan pengorbanan anggota bomba kita. Tanpa wirawan kita ini, bagaimanakah boleh kita berhadapan dengan bencana-bencana yang melanda negara kita? Oleh itu, saya harap Kerajaan dapat mempertimbangkan penyemakan semula skim perkhidmatan bomba dan menaikkan gaji agar setaraf dengan rakan polis mereka. Dalam pada itu, semakan skala gaji serta penambahan elaun dan kemudahan sudah tentu akan menjadikan kerjaya ini lebih menarik kepada generasi muda.



**ZAIRIL Khir Johari (berbaju putih) bertungkus-lumus membersihkan kawasan-kawasan dilanda banjir di Kampung Shaik Madar, Air Itam.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohd. Rizal Abd. Hamid<br>rizalhamid.ppksa@gmail.com | 012 - 424 3878 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : - | - |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | - Nurafiqah<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 013 - 580 2547 | - Mohd. Izzuan |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 010 - 811 7300 | - Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Nayim |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 231 0806 | - Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |




November 2017
***Penang Bangkit***


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD, ALVIE CHENG

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Mengapa mangsa banjir Pulau Pinang 'dianaktirikan'? soal KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BERTAM -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sekali lagi mempersoalkan bantuan kewangan yang sehingga kini belum diumumkan Kerajaan Pusat kepada mangsa-mangsa bencana banjir negeri Pulau Pinang.

"Jawapan dari Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim di Parlimen pada 6 November lalu menyatakan bahawa sejak tahun 2013 hingga September 2017, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM234,883,470 untuk bantuan mangsa banjir seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, Pulau Pinang cuma dapat RM35,500 sahaja. Takkan Pulau Pinang yang menyumbang 8 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) cuma dapat 0.015 peratus daripada jumlah besar. Mana boleh? kita (Pulau Pinang) sumbang 8 peratus GDP.

"Yang kita minta ini bukan kepada Kerajaan Negeri, kita (Kerajaan Negeri) minta untuk mangsa banjir, mengapa mereka (mangsa banjir) dianaktirikan dan didiskriminasikan?," soalnya pada sidang media ketika melawat proses pemberian Bantuan Khas One-Off Bencana Banjir Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dekat Pejabat Daerah dan Tanah SPU, Kepala Batas di sini 18 November lalu.

Mengulas lanjut, jika Kerajaan Pusat ingin 'membuli' Kerajaan Negeri, itu tidak boleh buat apa dan pihaknya sedia terima.

"Tetapi, jangan 'buli' mangsa banjir, itu yang saya minta. (Dan) sekiranya cakap Pulau Pinang dapat RM35,500, adakah bermakna Pulau Pinang tidak ada banjir, namun hari-hari kita (Pulau Pinang) dihentam seakan hari-hari banjir.

"Jadi yang mana satu betul, Pulau Pinang ada banjir atau tidak? Kalau banjir, kenapa bagi wang begitu sikit sahaja, ini tidak patut dan tidak adil," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut menuntut Kerajaan Pusat menyalurkan dana rancangan tebatan banjir (RTB) yang sepatutnya berjumlah RM1.6 bilion kepada Pulau Pinang.

"Ini (RTB) projek *Federal* (Kerajaan Pusat), kalau dia (Pusat) lulus pun, dia (Kerajaan Pusat) akan bagi kepada kontraktor sendiri, peruntukan ini diluluskan dahulu hingga sekarang, dan kita (Kerajaan Negeri) cuma minta RM1 bilion, bukan kesemua pun tidak mengapa.

"Saya harap Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) boleh luluskan peruntukan tersebut bersama-sama bantuan kepada mangsa banjir," serunya.

Pada majlis tersebut, difahamkan seramai 885 keluarga sekitar SPU menerima bantuan wang ihsan RM400 yang diperuntukkan khas oleh Kerajaan Negeri untuk mangsa banjir tempias taufan Doksuri bertarikh 15 September lalu.




# Sekitar pemberian Bantuan Khas One-Off RM400 Bencana Banjir


ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa yang menetap di KADUNnya.


KETUA Menteri, barisan PPK dan para penerima bergambar kenangan pada majlis yang diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah SPU.


EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir merangkap ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow (kiri sekali) ketika memantau proses pembayaran di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya.

## KM tersentuh hati, mangsa banjir bersatu-padu bantu sesama sendiri

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengakui bahawa beliau tersentuh hati apabila melihat mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang saling bantu-membantu sesama sendiri.

Beliau yang turun padang meninjau keadaan banjir yang melanda pada 15 September dan 4 November lalu 'bangga' apabila rakyat Pulau Pinang bersatu hati menghadapi banjir.

"Terima kasih kepada semua, kerana anda semua bersatu-padu...saya amat tersentuh hati apabila saya melihat mangsa-mangsa (banjir) tolong sama tolong tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

"Malah, apabila kita (Kerajaan Negeri) membuat pembayaran (bantuan khas banjir) ini, selagi anda anak negeri Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) akan tetap bayar...kerana kita bukan Kerajaan Negeri hanya untuk mereka yang sokong Pakatan Harapan, tetapi kita Kerajaan (Negeri) untuk semua 1.6 juta rakyat Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Pembayaran Bantuan Khas RM400 'One-Off' kepada Mangsa Banjir 15 September di sini 19 November lalu.

Turut sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Pengurusan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Difahamkan, seramai 354 penerima layak bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lanchang dan KADUN Sungai Pinang yang terjejas akibat banjir pada 15 September lalu menerima bayaran tunai RM400 secara '*one-off*'.

# Jumlah hujan di kawasan tadahan Batu Feringghi/Teluk Bahang lebih 100% tinggi pada September 2017 berbanding 1995 – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Jumlah hujan dicatatkan di kawasan tadahan di Batu Feringghi/Teluk Bahang pada September 2017 lalu adalah lebih tinggi berbanding September 1995 sebagaimana direkodkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **berdasarkan fakta yang diterima daripada PBAPP, pada September 1995, jumlah taburan hujan yang dicatatkan di kawasan tadahan Batu Feringghi/Teluk Bahang adalah 483 milimeter (mm) dan ia bukanlah jumlah hujan tertinggi yang pernah dicatatkan di Pulau Pinang.**

**"Sebaliknya, pada September 2017, jumlah taburan hujan yang dicatatkan di kawasan tadahan sama (Batu Feringghi/Teluk Bahang) ini adalah 1,162mm iaitu lebih satu kali ganda atau 100 peratus lebih tinggi berbanding (yang dicatatkan pada) tahun 1995 (September)**.

"Berdasarkan fakta ini, jelas menunjukkan bahawa Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) berikan maklumat yang kurang tepat...hujan yang turun (dicatatkan di kawasan tadahan Batu Feringghi/Teluk Bahang) adalah jauh lebih tinggi berbanding September 1995, yang mana berlakunya banjir besar (ketika itu, 1995)," ujarnya pada sidang media di sini 20 November lalu. (Rujuk Lampiran A).

Dalam sidang media tersebut, Guan Eng turut kesal dengan laporan beberapa akhbar yang sengaja dilihat 'menunding jari' terhadap Kerajaan Negeri.

"Semua fakta dan rekod ini (yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri) turut disahkan oleh kenyataan Jabatan Perhutanan Negeri.

"Bukan seperti yang didakwa dalam sebuah akhbar berbahasa Malaysia yang melaporkan kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu mendengar nasihat Jabatan Perhutanan sedangkan YB Phee (Boon Poh, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) telah memaklumkan bahawa apa-apa perkara boleh dibincangkan dan dirunding untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang timbul.

"(Sedangkan) akhbar berbahasa Cina, *Sin Chew Daily* (bertarikh 19 November 2017) juga ada melaporkan sebab berlakunya tanah runtuh baru-baru ini bukanlah kerana pembangunan, tetapi oleh jumlah hujan lebat yang berlebihan di negeri ini.

"Mana ada pembangunan (dijalankan) di kawasan hutan simpan kekal...tidak dibenarkan, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang satu inci pun tidak tebang (Hutan Simpanan Kekal), dan inilah satu rekod yang boleh dibanggakan untuk kita (Kerajaan Negeri) terus kekalkan kawasan Hutan Simpanan Kekal di negeri ini," tegasnya.



Jumlah hujan di kawasan tadahan Batu Feringghi/Teluk Bahang lebih 100% tinggi pada September 2017 BERBANDING 1995

BATU FERRINGHI CATCHMENT
( ins. )

| YEAR | JAN | FEB | MAC | APRIL | MAY | JUNE | JULY | AUG | SEPT | OCT | NOV | DEC |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1990 | 1.97 | 1.55 | 3.15 | 7.71 | 19.81 | 6.48 | 18.21 | 3.92 | 23.04 | 15.37 | 21.36 | 4.39 |
| 1991 | 0.34 | 0.54 | 10.67 | 9.76 | 15.90 | 17.79 | 14.26 | 11.37 | 17.23 | 5.83 | 1.55 | 0.25 |
| 1992 | 0.58 | 7.85 | 0.05 | 6.62 | 6.07 | 6.49 | 11.09 | 18.73 | 26.74 | 20.85 | 10.28 | 2.71 |
| 1993 | 6.70 | 0.78 | 11.15 | 17.30 | 4.09 | 10.67 | 11.72 | 6.36 | 8.85 | 11.13 | 6.98 | 4.93 |
| 1994 | 0.88 | 3.63 | 8.99 | 6.00 | 7.58 | 10.70 | 4.25 | 10.40 | 15.49 | 8.28 | 8.84 | 2.07 |
| 1995 | 2.42 | 0.40 | 10.10 | 10.70 | 6.87 | 11.22 | 11.60 | 16.69 | 18.98 | 9.33 | 16.40 | 6.83 |
| 1996 | 4.90 | 4.69 | 3.40 | 16.17 | 16.14 | 12.12 | 10.60 | 15.10 | 19.46 | 17.50 | 11.83 | 3.75 |
| 1997 | 0.42 | 8.55 | 2.27 | 7.21 | 8.66 | 10.96 | 7.69 | 8.39 | 14.29 | 10.40 | 10.60 | 4.43 |
| 1998 | 0.35 | 4.30 | 1.66 | 0.78 | 11.37 | 17.21 | 12.21 | 16.72 | 16.86 | 34.39 | 23.83 | 5.03 |
| 1999 | 5.71 | 1.88 | 7.60 | 9.45 | 7.28 | 2.71 | 8.51 | 22.37 | 11.44 | 23.30 | 11.69 | 9.82 |
| 2000 | 3.44 | 3.02 | 8.33 | 11.53 | 18.45 | 7.49 | 8.40 | 16.07 | 10.67 | 18.47 | 5.75 | 3.40 |
| 2001 | 4.76 | 1.39 | 7.01 | 9.62 | 9.12 | 15.24 | 9.85 | 10.45 | 9.79 | 19.96 | 8.61 | 3.10 |
| 2002 | 1.03 | 0.16 | 2.81 | 9.05 | 6.74 | 5.68 | 11.65 | 15.64 | 14.71 | 6.14 | 10.12 | 10.03 |
| 2003 | 1.85 | 2.66 | 9.71 | 10.7 | 4.7 | 4.36 | 7.31 | 6.35 | 9.46 | 12.53 | 6.27 | 1.2 |
| 2004 | 0.65 | 0.83 | 1.03 | 2.19 | 13.74 | 4.51 | 1.88 | 1.28 | 1.84 | 3.5 | 2.05 | 0.43 |

482 mm

September 1995

PRIVATE & CONFIDENTIAL

PBAPP : DAM STORAGE CAPACITY & SG. MUDA LEVELS

| 2017 | | AIR ITAM (Ave. Dry Weather Drawdown 22 mld) | | | | | | TELUK BAHANG (Ave. Dry Weather Drawdown 60 mld) | | | | | | MENGKUANG (Ave. Dry Weather Drawdown 300 mld) | | | | | | SG. MUDA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SEPT | | Rainfall (mm) | Gross: Max. Level 234.76 (m) | Gross: Max. Capacity 2,609 (ML) | Effective: Max. Capacity 2,159 (ML) | % | Supply Duration (Days) | Rainfall (mm) | Gross: Max. Level 48.00 (m) | Gross: Max. Capacity 19,240 (ML) | Effective: Max. Capacity 18,240 (ML) | % | Supply Duration (Days) | Rainfall (mm) | Gross: * Max. Level 55.00 (m) | Gross: * Max. Capacity 84,984 (ML) | Effective: * Max. Capacity 80,022 (ML) | % | Supply Duration (Days) | Max. 3.96 Min. 1.37 (m) |
| Fri | 1 | 10 | 231.34 | 2,073 | 1,623 | 75.2 | 74 | 9 | 44.19 | 15,850 | 14,850 | 81.4 | 248 | 78 | 32.35 | 16,910 | 11,948 | 14.9 | 40 | 3.00 |
| Sat | 2 | 0 | 231.34 | 2,073 | 1,623 | 75.2 | 74 | 9 | 44.08 | 15,760 | 14,760 | 80.9 | 246 | 0 | 32.40 | 17,008 | 12,046 | 15.1 | 40 | 3.22 |
| Sun | 3 | 0 | 231.34 | 2,073 | 1,623 | 75.2 | 74 | 0 | 44.08 | 15,760 | 14,760 | 80.9 | 246 | 0 | 32.50 | 17,205 | 12,243 | 15.3 | 41 | 3.06 |
| Mon | 4 | 40 | 231.50 | 2,095 | 1,645 | 76.2 | 75 | 60 | 44.23 | 15,890 | 14,890 | 81.6 | 248 | 96 | 32.75 | 17,702 | 12,740 | 15.9 | 42 | 3.45 |
| Tue | 5 | 0 | 231.50 | 2,095 | 1,645 | 76.2 | 75 | 18 | 44.23 | 15,890 | 14,890 | 81.6 | 248 | 0 | 32.75 | 17,702 | 12,740 | 15.9 | 42 | 3.46 |
| Wed | 6 | 3 | 231.50 | 2,095 | 1,645 | 76.2 | 75 | 11 | 44.20 | 15,860 | 14,860 | 81.5 | 248 | 4 | 32.75 | 17,702 | 12,740 | 15.9 | 42 | 3.34 |
| Thu | 7 | 0 | 231.50 | 2,095 | 1,645 | 76.2 | 75 | 1 | 44.15 | 15,820 | 14,820 | 81.3 | 247 | 0 | 32.75 | 17,702 | 12,740 | 15.9 | 42 | 3.30 |
| Fri | 8 | 0 | 231.50 | 2,095 | 1,645 | 76.2 | 75 | 4 | 44.10 | 15,780 | 14,780 | 81.0 | 246 | 0 | 32.75 | 17,702 | 12,740 | 15.9 | 42 | 3.17 |
| Sat | 9 | 11 | 231.42 | 2,084 | 1,634 | 75.7 | 74 | 19 | 44.07 | 15,760 | 14,760 | 80.9 | 246 | 14 | 32.75 | 17,702 | 12,740 | 15.9 | 42 | 3.35 |
| Sun | 10 | 8 | 231.42 | 2,084 | 1,634 | 75.7 | 74 | 60 | 44.36 | 15,990 | 14,990 | 82.2 | 250 | 112 | 32.85 | 17,903 | 12,941 | 16.2 | 43 | 3.38 |
| Mon | 11 | 8 | 231.42 | 2,084 | 1,634 | 75.7 | 74 | 23 | 44.36 | 15,990 | 14,990 | 82.2 | 250 | 15 | 32.85 | 17,903 | 12,941 | 16.2 | 43 | 3.41 |
| Tue | 12 | 0 | 231.34 | 2,073 | 1,623 | 75.2 | 74 | 0 | 44.33 | 15,970 | 14,970 | 82.1 | 250 | 0 | 32.85 | 17,903 | 12,941 | 16.2 | 43 | 3.23 |
| Wed | 13 | 0 | 231.34 | 2,073 | 1,623 | 75.2 | 74 | 2 | 44.30 | 15,940 | 14,940 | 81.9 | 249 | 0 | 32.85 | 17,903 | 12,941 | 16.2 | 43 | 3.21 |
| Thu | 14 | 31 | 231.27 | 2,061 | 1,611 | 74.6 | 73 | 64 | 44.33 | 15,970 | 14,970 | 82.1 | 250 | 8 | 32.85 | 17,903 | 12,941 | 16.2 | 43 | 3.09 |
| Fri | 15 | 270 | 233.32 | 2,377 | 1,927 | 89.3 | 88 | 180 | 45.05 | 16,560 | 15,560 | 85.3 | 259 | 176 | 32.95 | 18,104 | 13,142 | 16.4 | 44 | 3.34 |
| Sat | 16 | 58 | 234.47 | 2,568 | 2,118 | 98.1 | 96 | 255 | 45.58 | 17,040 | 16,040 | 87.9 | 267 | 212 | 33.15 | 18,510 | 13,548 | 16.9 | 45 | 3.73 |
| Sun | 17 | 1 | 234.76 | 2,609 | 2,159 | 100.0 | 98 | 7 | 45.64 | 17,090 | 16,090 | 88.2 | 268 | 8 | 33.15 | 18,510 | 13,548 | 16.9 | 45 | 3.93 |
| Mon | 18 | 1 | 234.76 | 2,609 | 2,159 | 100.0 | 98 | 0 | 45.69 | 17,140 | 16,140 | 88.5 | 269 | 0 | 33.15 | 18,510 | 13,548 | 16.9 | 45 | 3.35 |
| Tue | 19 | 5 | 234.76 | 2,609 | 2,159 | 100.0 | 98 | 9 | 45.74 | 17,180 | 16,180 | 88.7 | 270 | 22 | 33.15 | 18,510 | 13,548 | 16.9 | 45 | 3.50 |
